

# inSPIRED

[richworks.com/inspired](http://richworks.com/inspired)

**RICHWORKS**

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

18 MAC 2024  
[WWW.RICHWORKS.COM](http://WWW.RICHWORKS.COM)

## BUSINESS TALK

**3** LANGKAH BAGI  
MENGUBAH  
HIDUP, KLISE  
TAPI BETUL!

**FAISAL SUHAIMI**  
MENEROKA LANDASAN KEJAYAAN

# MASA LALU JADI PEMANGKIN UNTUK BERUBAH

Rasa ingin berjaya yang membuak-buak dalam diri membuatkan Mohd Faisal Suhaimi (Faisal) tekad menceburi dunia perniagaan setelah meraih keputusan yang kurang memberangsangkan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Bukan dilahirkan tidak pandai, tapi saya baru sedar yang waktu sekolah dulu saya selalu main-main. Jadi, saya terus tanamkan azam bahawa aku kena berjaya dalam hidup walaupun aku gagal dekat sekolah. Begitulah ceritanya.

“Mulanya saya berniaga dengan isteri tercinta iaitu Noor Farahida Rosli. Selepas itu saya terus terfikir nak berbisnes dan melakukannya secara serius. Hasilnya, terciptalah TFS Group Resources Sdn.

Bhd. hari ini yang membantu para pelajar lepasan SPM untuk menyambung pelajaran ke peringkat diploma.

“Selain itu, kami juga membantu calon-calon yang hendak bekerja dalam industri sektor minyak & gas, maritim dan juga mereka yang ingin bekerja dalam sektor penerbangan seperti krew penerbangan dan sebagainya,” jelasnya.

## ANAK SYARIKAT YEG ACADEMY

Memfokuskan kepada bahagian jualan, Faisal bermula dalam bidang pendidikan ini setelah mendapat peluang ketika bekerja di sebuah syarikat jualan sebelum ini. Setelah itu, beliau turut berkongsi rezeki yang diterima bersama abang serta pasukannya.

“Alhamdulillah, ini rezeki daripada Allah. Kiranya kita ada satu jabatan yang mendapat kontrak untuk membuat jualan sahaja.

“Lama-kelamaan, pasukan ini berpecah dan saya ikut bersama dengan YEG Academy Sdn.Bhd. yang salah seorang pengasasnya merupakan abang saya sendiri iaitu Azizul Hakim.

“Beliau pun memulakan perniagaan berasaskan pendidikan ini dan saya turut menjadi rakan kongsi perniagaannya dan syarikat saya ini menjadi anak syarikat di bawah YEG. Di YEG, mereka memfokuskan kepada bahagian pemasaran bersama pihak universiti manakala syarikat saya



**Azizul Hakim** – salah seorang daripada pengasas Y.E.G ACADEMY Sdn. Bhd.





pula memfokuskan untuk membantu dari segi jualan,” ujar bapa kepada dua orang cahaya mata ini.

### **STAF SEBAGAI PEMANGKIN SEMANGAT**

Berkecimpung dalam bidang jualan sejak dari dahulu lagi, adakalanya Faisal juga pernah berasa hendak mengalah dan berundur dari dunia bisnes kerana menjalankan perniagaan sememangnya bukanlah suatu perkara mudah apatah lagi di zaman yang penuh saingan pada hari ini.

Namun, rasa kasihnya terhadap pasukan yang sentiasa bersamanya dalam usaha membangunkan syarikat melangkaui segala rasa negatif yang membelenggu dirinya selama ini.

“Kalau rasa nak mengalah, setiap hari wujud perasaan sebegitu. Lagi- lagi apabila kita melihat media sosial. Kita akan lihat senangnya orang lain berjaya. Aku ni dah buat gila-gila, tapi kenapa tak berjaya juga?”

“Tetapi, sebagai pemilik syarikat kita ada satu tanggungjawab yang bila kita lihat staf, kita akan nampak wajah mereka yang memerlukan kita.

“Kita juga sentiasa merasakan bahawa

perjuangan yang dilalui ini belum tamat dan pasukan turut bergantung harap pada kita termasuklah keluarga.

“Kalau saya mengalah sekarang, apa yang saya nak buat? Jadi, saya kena teruskan juga perniagaan dan usaha ini. Saya percaya rezeki itu Allah yang akan kurniakan. Kita hanya perlu berusaha saja,” katanya.

### **MAHU JADI PEMIMPIN YANG LEBIH BAIK**

Mula menyertai program pementoran Spire pada tahun 2022, Faisal meraih pelbagai ilmu termasuklah dari segi bisnes dan juga kepimpinan yang didambakannya daripada Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

“Fokus saya pastinya adalah disebabkan mahu belajar lebih mendalam tentang ilmu kepimpinan sebab saya tahu kepakaran Dr. Azizan adalah dari aspek tersebut.

“Jadi, banyaklah perkara yang saya dapat ubah dalam kehidupan dan juga bisnes yang dijalankan. Berubah dari segi bercakap, cara berfikir, bagaimana untuk membahagikan kerja dan macam-macam lagi.

“Selain itu, saya juga turut belajar tentang

ilmu kewangan, bagaimana untuk membuka akaun dan sebagainya. Memang banyak sangat yang telah saya pelajari di sini. Di samping itu, saya juga dapat hantar pasukan saya ke program 'business coaching' dan 'leadership bootcamp' anjuran RichWorks.

'Saya sendiri yang bayar dan tanggung mereka untuk sertainya. Saya memang 'ikut rapatlah' tentang kepimpinan ini sebab dari situlah kita dapat bentuk pasukan kita tambahan lagi dalam dunia jualan ini,' kongsiannya.

Berazam untuk meraih jualan sebanyak RM3 juta pada tahun ini, beliau bersyukur dengan keadaan terkini perniagaannya yang kian berkembang dari hari ke hari dan berharap dapat lahirkan lebih ramai lagi pemimpin berkaliiber di bawah syarikatnya pada masa akan datang.

"Bukan mudah nak uruskan sebuah kumpulan jualan yang ada hampir 20 orang. Itu sememangnya bukanlah situasi yang senang dan perkara itulah yang kami sedang lakukan sekarang.

"Kita juga berharap dapat bangunkan



wisma sendiri di Negeri Sembilan ini dan lahirkan lebih ramai pemimpin dalam pasukan. Saya juga sasarkan untuk miliki 60 orang staf syarikat selepas ini sebab bisnes saya menggunakan tenaga manusia.

"Kalau saya nak tingkatkan jualan, saya perlukan lebih ramai orang yang boleh melakukannya. Doakan kejayaan kami, insya-Allah," jelasnya.



# 3

**PESANAN**

**FAISAL  
SUHAIMI**



# 1

## **MANUSIA KENA BELAJAR**

"Bila kita belajar, barulah kita akan nampak apa yang diinginkan. Bila tak nak pergi belajar, itulah yang akan menyebabkan kita tidak faham keadaan sekarang termasuklah dari segi ekonomi dan sebagainya," kongsinya.

# 2

## **PERCAYA DENGAN APA YANG DIINGINKAN**

"Percaya dengan apa yang anda kejar dan apa hala tuju perniagaan anda. Bila anda sebagai seorang pemilik syarikat tapi tak jelas dengan apa yang ingin dicapai dalam bisnes, maka anda hanya akan berlagak sebagai bos sahaja.

"Dia akan duduk tak buat kerja, nak datang kerja datang dan tak nak datang kerja sudah. Sebab itu kita kena jelas dengan apa matlamat yang kita mahukan," ujarnya.

# 3

## **JANGAN BERHENTI BERUSAHA**

"Bisnes memang sangat mencabar. Saya sudah berada dalam industri ini selama 10 tahun. Tetapi, saya lambat pergi belajar. Kalau dulu saya dah mulakan, mungkin kini saya sudah bergelar jutawan.

"Kita tahu rezeki ini Allah yang beri. Maka, janganlah berhenti berusaha. Perjalanan itu menjadi lebih menyeronokkan sebenarnya bila kita ada mentor. Kita tak perlu nak lalu jalan-jalan yang sukar sebab sudah ada panduan.

"Kita hanya perlu ikut dan suaikan saja mengikut keadaan. Selain itu, kita juga sudah dapat menjangkakan apa yang bakal terjadi pada tahun ini hasil bimbingan daripada Dr. Azizan. Jadi, kita sudah bersedia lebih awal untuk menghadapinya," kongsinya menutup bicara.



# **BUSINESS TALK**

## 3 LANGKAH BAGI MENGUBAH HIDUP, KLISE TAPI BETUL!



**Sememangnya tidak mustahil untuk kita belajar cara mengubah hidup dan menjalani impian yang diidamkan. Mungkin ia kedengaran seperti sebuah mimpi namun ternyata ia adalah realiti yang boleh dikecapi.**

Jika anda melihat sekeliling, sentiasa ada seseorang di dunia ini yang dibesarkan di tempat, masa dan situasi yang sama seperti anda yang berjaya mengubah hidup mereka menjadi lebih baik.

Namun begitu, perjalanannya mungkin tidaklah semudah yang disangka. Yang penting, anda terus bersemangat dan fokus untuk melaksanakannya.

Sama ada anda ingin tingkatkan motivasi, menjadi bos kepada diri sendiri, berpindah ke Itali dan belajar bahasanya, jatuh cinta dan membuka restoran, di sini kami sediakan panduan untuk anda melakukan satu titik perubahan dalam hidup.

### **1** **Buat Keputusan Untuk Ubah Hidup Anda**

Ita mungkin kedengaran klise, namun ini mungkin bahagian paling sukar dalam situasi ini.

Ramai yang mahu membuat perubahan yang ketara dalam hidup, tetapi ia seolah-olah tidak pernah berlaku. Mengapa begitu? Kerana sungguh sukar untuk melakukan tindakan bagi mengubah hidup anda. Sulit sungguh.

Malah, mengubah hidup mungkin merupakan perkara yang paling mencabar dan tidak selesa yang pernah anda lakukan. Pada mulanya, ini boleh menjadi sangat menakutkan.



Bergantung pada sebab mengapa anda ingin mengubah hidup, impian anda mungkin membawa anda berpindah ke bandar atau negara di mana anda tidak mengenali sesiapa.

Anda mungkin perlu melepaskan persahabatan yang telah dibina selama bertahun-tahun untuk mewujudkan ruang bagi kenalan baharu atau mungkin anda perlu menukar kerjaya yang mantap bagi menaiki 'roller-coaster' keusahawanan. Dalam erti kata lain, mengubah hidup bermakna anda akan membuat beberapa keputusan yang sukar. Jadi, seberapa teruk anda mahu mengubah hidup anda? Dan apakah yang anda sanggup lakukan untuk merealisasikannya?

Di saat anda memutuskan untuk benar-benar mengubah hidup anda secara bermati-matian, maka tiba-tiba hampir semua perkara dapat dilakukan.

## 2

### Belajar Keluar Dari Zon Selesa

Jika anda ingin belajar cara mengubah hidup anda sepenuhnya, bersedialah untuk mengucapkan selamat tinggal kepada zon selesa anda. Intipati pertumbuhan adalah untuk bergerak melebihi apa yang anda alami sebelum ini.

Anda perlu memecahkan tembok baharu. Billy Cox, pemain gitar bass Jimi Hendrix, pernah berkata, "Hidup hanya akan berubah apabila anda menjadi lebih komited kepada impian berbanding ketika berada di zon selesa anda."

Benar katanya. Jadi, biasakan untuk keluar dari zon selesa anda pada setiap peluang yang ada.

Sebagai contoh:-

*-Jangan memesan makanan yang sama dua kali*

*-Dengar genre muzik yang berbeza*

*-Tonton dokumentari yang membuka mata*

*-Daftar diri untuk kelas kecergasan*

*-Ambil laluan pulang yang berbeza*

*-Hantar mesej kepada seseorang yang anda sudah bertahun-tahun tidak berhubung*

*Terima perubahan pada setiap masa.*

## 3

### Kenal Pasti Sebab Mengapa Anda Ingin Mengubah Hidup

Apabila anda mencari jalan untuk mengubah hidup, selalunya lebih mudah untuk bermula dengan menentukan perkara yang anda tidak mahu sebelum meneroka perkara yang anda mahukan. Jadi, senaraikan aspek kehidupan anda yang tidak disukai.

Adakah anda benci pekerjaan anda? Adakah anda tidak menyukai tempat tinggal, kehidupan sosial atau perasaan anda pada kebanyakan masa? Adakah terdapat tabiat atau keadaan yang merosakkan yang ingin anda atasi? Jangan memikirkan perkara-perkara ini atau terjebak dalam perkara negatif. Tulis sahaja dan teruskan ke langkah seterusnya dengan cepat bagi mendapatkan solusinya.

Akhir sekali, jangan tunggu waktu yang sempurna untuk bermula. Mulakannya sekarang!

# **BU**SINESS COACHING

## **YOUR 1ST MILLION or 10 MILLION**



**24 APRIL 2024**

H ELITE DESIGN HOTEL, KOTA BHARU,  
KELANTAN

**22 MEI 2024**

SHAH ALAM CONVENTION CENTRE  
(SACC), SELANGOR

BERSAMA  
DATUK WIRA DR.  
AZIZAN OSMAN

**inSPIREd**<sup>TM</sup>  
E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN



**RICHWORKS**<sup>®</sup>  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

**PENAFIAN :** Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.